

FIQH AL-HADITH DI SISI AL-‘ASQALANI DALAM KITAB BULUGH AL-MARAM BERKAITAN ISU RIBA

Mohd Farouq Nukman Zamri ⁱ, Mohamad Faizal Abd Rahman ⁱⁱ, Ahmad Haiqal Fitri Ahmad Fuad ⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Emel: farouqnukman@usas.edu.my

ⁱⁱ Penolong Pensyarah, Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). mohamadfaizal@usas.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Jabatan Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS). ahaiqal@unipsas.edu.my

ABSTRAK

Sebahagian ilmuan Islam mengakui bahawa perbahasan berkaitan riba adalah di antara bab yang rumit dalam perbahasan ilmu fiqah. Al-Quran dan sunah adalah dua sumber utama dalam proses pengeluaran sesuatu hukum fiqah, termasuk hukum berkaitan riba. Antara kitab hadis hukum yang sering dijadikan rujukan oleh para ilmuan adalah kitab *Bulugh al-Maram* karangan al-‘Asqalani. Walau bagaimanapun, kitab ini hanya mengumpul matan-matan hadis tanpa diperincikan dengan perbahasan fiqah. Justeru, artikel ini bertujuan mengenal pasti *fiqh al-hadith* di sisi al-‘Asqalani dalam kitab *Bulugh al-Maram* berkaitan isu riba. Kajian ini sepenuhnya berasaskan kepada reka bentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan datanya pula bersandarkan kepada kaedah analisis dokumen menerusi pembacaan terhadap *bab al-riba* dalam kitab *Bulugh al-Maram* karangan al-‘Asqalani. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis melalui pendekatan analisis tematik dengan menjuruskan hadis-hadis dalam *bab al-riba* mengikut tema berdasarkan *fiqh al-hadith* bagi hadis-hadis tersebut. Kajian ini mendapati *fiqh al-hadith* di sisi al-‘Asqalani dalam kitab *Bulugh al-Maram* berkaitan isu riba boleh diklasifikasikan kepada lapan tema yang secara umumnya boleh dibahagikan pula kepada tiga kategori iaitu (1) ancaman terhadap dosa riba, (2) konsep dan operasi riba, dan (3) akad yang berkaitan dengan riba secara tidak langsung.

Kata-kata kunci: Al-‘Asqalani, *Bulugh al-Maram*, *Fiqh al-Hadith*, Fiqah, Riba

PENGENALAN

Al-Quran tidak mengancam kepada mana-mana pelaku dosa dengan ancaman pengisytiharan perang terhadap Allah SWT dan Rasulullah SAW, kecuali ancaman kepada pelaku dosa riba (Nuruddin ‘Itr, 1999). Hal ini jelas menggambarkan betapa besarnya dosa riba dalam ajaran agama Islam. Justeru, konsep riba perlu diketahui dengan jelas supaya umat Islam dapat memahaminya dan seterusnya menjauhkan diri daripada terlibat dengan dosa tersebut. Walau bagaimanapun, sebahagian ilmuan Islam mengakui bahawa perbahasan berkaitan riba adalah di antara bab yang rumit dalam perbahasan ilmu fiqah (Ibn Kathir, t. th.).

Asasnya, al-Quran dan sunah adalah dua sumber utama dalam proses pengeluaran hukum fiqah, termasuk hukum berkaitan riba. Sehubungan dengan itu, jika hukum dan konsep berkaitan riba ingin diketahui dengan cara yang menyeluruh, sudah pasti semua isi kandungan

al-Quran dan isi kandungan hadis daripada sumber kitab yang pelbagai perlu diteliti dengan baik. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya cuba menonjolkan sisi *fiqh al-hadith* berkaitan perbahasan isu riba daripada salah satu kitab hadis-hadis hukum yang ada.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian lepas telah memberi tumpuan kepada analisis hadis-hadis yang berkaitan dengan riba, yang merangkumi pelbagai jenis riba. Antaranya kajian yang bertajuk “Hadith Riba dalam Kitab ‘*Umdah al-Ahkam: Analisis Perspektif Fiqh*” yang dihasilkan oleh Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj. Abdullah, Nor Fahimah Mohd Razif dan Khairul Azhar Meerangani. Kajian oleh Rosele et al., (2019) menunjukkan bahawa kitab ‘*Umdah al-Ahkam*’ telah dipilih sebagai subjek utama kajian kerana kitab ini mengumpulkan hadis-hadis hukum yang telah disepakati oleh al-Bukhari dan Muslim. Dapatan kajian menunjukkan kesemua hadis yang dibincangkan adalah menyentuh persoalan *riba al-buyu*’ dengan tidak menyentuh secara langsung perbincangan *riba al-jahiliyyah*. Kajian ini mencadangkan agar kitab-kitab hadis muktabar yang lain perlu diteliti, terutamanya yang ada menyentuh perbahasan berkaitan *riba al-jahiliyyah*.

Sementara itu, kajian oleh Edy Saputra (2021) yang bertajuk “Ontologi Riba dalam Hadis (Kajian Tematik Hadis Ahkam)” menunjukkan kajian dibuat terhadap enam buah hadis yang telah dipilih bertepatan dengan tema kajian. Hadis yang dipilih telah diklasifikasikan kepada dua iaitu *riba al-bai*’ dan *riba al-duyun*. *Riba al-bai*’ adalah riba yang terjadi dalam transaksi jual beli. Riba tidak terjadi dalam semua transaksi jual beli. Riba dalam transaksi jual beli hanya terjadi pada barangan *ribawi*. Manakala, *riba al-duyun* adalah riba yang terjadi dalam transaksi hutang piutang. Namun, tidak semua hutang piutang terjadi riba. *Riba al-duyun* menjadi riba pada dua keadaan iaitu apabila ada persyaratan manfaat yang akan diambil oleh pemberi hutang dan jika ada denda akibat keterlambatan yang dibebankan kepada orang yang berhutang.

Di samping itu, kajian oleh Mohammad Nawir (2021) yang bertajuk “Kontekstualisasi Pemahaman Hadis Nabi tentang Riba” menunjukkan penulis memilih beberapa buah hadis dalam membincangkan tentang persoalan riba yang merujuk kepada penjelasan Rasulullah SAW tentang riba melalui hadis. Antara perkara yang menjadi perbincangan ialah kiasan-kiasan hadis Rasulullah SAW tentang riba, serta persamaan dan perbezaan antara riba dan transaksi jual beli serta lain-lain.

Kesimpulannya, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa perbincangan riba melalui perspektif hadis sememangnya menjadi fokus oleh para pengkaji. Setiap hadis diteliti berdasarkan makna yang terkandung dalam teks hadis dan seterusnya diklasifikasikan mengikut pembahagian riba yang dibincangkan oleh para fuqaha. Walau bagaimanapun, perbezaan kajian ini dengan kajian-kajian lepas adalah skop kajian terhadap *fiqh al-hadith* berkaitan isu riba menurut al-‘Asqalani dalam kitabnya *Bulughul Maram* yang merupakan salah satu kitab rujukan berkaitan hadis-hadis hukum. Kitab ini hanya mengumpul matan-matan hadis tanpa diperincikan sisi perbahasan hukum fiqah. Justeru, artikel ini bertujuan mengenal pasti *fiqh al-hadith* di sisi al-‘Asqalani dalam kitab *Bulugh al-Maram* berkaitan isu riba.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini sepenuhnya berasaskan kepada reka bentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan datanya pula bersandarkan kepada analisis dokumen menerusi pembacaan terhadap *bab al-riba* dalam kitab *Bulughul Maram min Adillah al-Ahkam* karangan al-‘Asqalani cetakan Dar al-Siddiq pada tahun 2002. Kajian ini hanya menumpukan kepada perbahasan *dirayat* hadis tanpa membahaskan sebarang perbahasan berkaitan riwayat hadis. Justeru, kajian ini tidak menyatakan sebarang sanad dan status kesahihan bagi setiap hadis yang dikeluarkan daripada *bab al-riba* dalam kitab *Bulugh al-Maram*. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis melalui pendekatan analisis tematik dengan menjuruskan hadis-hadis dalam *bab al-riba* mengikut tema berdasarkan *fiqh al-hadith* bagi hadis-hadis tersebut.

Tiga kitab syarah *Bulugh al-Maram* telah dipilih sebagai panduan dalam menjalankan analisis tematik dalam kajian ini. Tiga kitab yang dimaksudkan adalah kitab (1) *Ibanah al-Ahkam Syarh Bulugh al-Maram* karangan ‘Allusy, al-Nuri, dan al-Maliki cetakan al-Dar al-‘Alamiyyah pada tahun 2018, (2) *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram*, Jilid 3 karangan Al-Son’ani cetakan Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa al-Tauzi’ pada tahun 2006 dan (3) *I’lam al-anam syarh bulugh al-maram min ahadith al-ahkam* karangan Nuruddin ‘Itr cetakan Maktabah Dar al-Farfour & Maktabah Dar al-Yamamah pada tahun 1999.

Hakikatnya, terdapat beberapa hadis yang memerlukan perbahasan *fiqh al-hadith* yang panjang lebar kerana para fuqaha berbeza pandangan dalam mengeluarkan hukum fiqh daripada hadis-hadis tersebut. Namun begitu, kajian ini hanya menonjolkan sisi pandang *fiqh al-hadith* berdasarkan pandangan mazhab Syafii bagi hadis-hadis yang mempunyai tafsiran yang pelbagai daripada para fuqaha. Hal ini kerana, mazhab Syafii merupakan pegangan rasmi bagi rakyat Malaysia dan ia juga merupakan pegangan bagi al-‘Asqalani.

AL-‘ASQALANI DAN KITAB *BULUGH AL-MARAM*

Nama sebenar Al-‘Asqalani adalah Ahmad bin Ali bin Muhamad al-Kinnani al-‘Asqalani yang merupakan tokoh besar dalam dunia Islam khususnya dalam bidang hadis dan sejarah (Al-Zirkli, 2002). Beliau lebih dikenali dengan nama al-‘Asqalani kerana beliau berasal daripada Asqalan iaitu satu tempat di Palestin. Namun beliau dilahirkan, membesar dan telah wafat di Kaherah, Mesir sepertimana yang dinukilkan dalam kitab Al-A’lam. Ibn al-Qadi (1971) merekodkan bahawa al-‘Asqalani memiliki penulisan yang banyak merangkumi pelbagai bidang, antaranya *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah*, *Tahzib al-Tahzib*, *al-Talkhis al-Habir*, *Bulugh al-Maram* dan lain-lain. Sebahagian pengkaji menyebutkan bahawa penulisan al-‘Asqalani telah melebihi 132 buah penulisan dalam bidang yang pelbagai. Beliau telah mula berkecimpung dalam bidang hadis pada tahun 794H dan telah melazimi gurunya al-Hafiz al-Iraqi sehingga mencapai martabat yang tinggi dalam bidang tersebut. Diceritakan juga bahawa beliau telah meminum air zam zam dengan harapan agar dapat mencapai martabat al-Zahabi dalam hafazan dan ternyata Allah SWT telah memperkenankan permintaannya itu sehingga dikatakan beliau telah mengatasi kehebatan al-Imam al-Zahabi (Al-Suyuti, 1983). Para sarjana bersepakat mengatakan bahawa Ibn Hajar telah wafat pada tahun 852H (al-Syawkani, t.th.; al-Zahabi, 1998; Haji Khalifah, 2010).

Salah satu hasil penulisan al-‘Asqalani iaitu *Bulugh al-Maram min Adillah al-Ahkam* boleh diumpamakan seperti kitab-kitab hadis semisal *Sahih al-Bukhari*, *Sunan Abi Dawud*,

Riyadus Salihin dan seumpamanya. Hal ini kerana, kitab ini merupakan manifestasi usaha al-‘Asqalani dalam mengumpulkan hadis-hadis yang memiliki peranan yang signifikan dalam hukum-hakam tanpa mendatangkan syarahan bagi hadis-hadis tersebut. Meskipun al-‘Asqalani menjelaskan di mukadimah kitabnya ini bahawa penulisannya ini dikategorikan sebagai mukhtasar yang memuatkan 1597 hadis sahaja, kitab ini telah menunjukkan keluasan ilmu al-‘Asqalani dalam bidang hadis dan juga fiqh. Hal ini dapat dilihat apabila beliau telah memasukkan sekalian hadis-hadis yang menjadi sandaran dalam pengeluaran hukum oleh para fuqaha yang datang daripada mazhab yang pelbagai meskipun al-‘Asqalani tetap kukuh bersama mazhab Syafii. Al-‘Asqalani juga telah membahagikan hadis-hadis dalam kitabnya ini mengikut pembahagian kitab-kitab fiqh seperti bab taharah, solat, *janaiz*, zakat, puasa, haji dan lain-lain.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Al-‘Asqalani (2002) telah menghimpunkan 17 hadis berkaitan riba dalam *bab al-riba* seperti dalam jadual 1:

Jadual 1: Matan Hadis berserta Terjemahan

Bil.	Matan Hadis	Terjemahan
1.	[694] لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكِلَ الرِّبَا، وَمُؤْكِلَهُ، وَكَاتِبَهُ، وَشَاهِدَيْهِ، وَقَالَ: هُمْ سَوَاءٌ	[694] Rasulullah SAW melaknat pemakan riba, pemberinya, penulisnya dan kedua saksinya, lalu baginda bersabda: “Mereka semua sama”.
2.	[695] الرِّبَا ثَلَاثَةٌ وَسَبْعُونَ بَابًا، أَيْسَرُهَا مِثْلُ أَنْ يَنْكِحَ الرَّجُلُ أُمَّهُ، وَإِنْ أَرَبَى الرِّبَا عَرَضُ الرَّجُلِ الْمُسْلِمِ	[695] Riba itu ada tujuh puluh tiga bahagian. Yang paling ringan adalah seperti seseorang menikahi ibunya sendiri. Dan sesungguhnya riba yang paling berat adalah mencemarkan kehormatan seorang muslim.
3.	[696] لَا تَبِيعُوا الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ، وَلَا تُشَفُّوا بَعْضَهَا عَلَى بَعْضٍ، وَلَا تَبِيعُوا الْوَرَقَ بِالْوَرَقِ إِلَّا مِثْلًا بِمِثْلٍ، وَلَا تُشَفُّوا بَعْضُهَا عَلَى بَعْضٍ، وَلَا تَبِيعُوا مِنْهَا غَائِبًا بِنَاجِزٍ	[696] Janganlah kamu menjual emas dengan emas kecuali sama rata, dan janganlah kamu melebihi sebahagiannya ke atas sebahagian yang lain. Janganlah kamu menjual perak dengan perak kecuali sama rata, dan janganlah kamu melebihi sebahagiannya ke atas sebahagian yang lain. Dan janganlah kamu menjual barang yang tidak ada (hutang) dengan barang yang telah tersedia (tunai).
4.	[697] الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ، وَالْفِصَّةُ بِالْفِصَّةِ، وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ، وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ، وَالنَّمْرُ بِالنَّمْرِ، وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ، مِثْلًا بِمِثْلٍ، سَوَاءً بَسْوَاءً، يَدًا بِيَدٍ، فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ، فَبِيعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ، إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ	[697] Emas dengan emas (ditukar atau diniagakan), perak dengan perak, gandum dengan gandum, gandum dengan gandum, kurma dengan kurma dan garam dengan garam, mestilah sama timbangan dan sukatanannya, dan ditukar secara terus (pada satu masa) dan sekiranya berlainan kategori ini, maka berjual belilah kamu sebagaimana kamu mahu, selagi mana masih ditukar secara terus (pada satu masa).
5.	[698] الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَرُتًا بَوَرْنٍ، مِثْلًا بِمِثْلٍ، وَالْفِصَّةُ بِالْفِصَّةِ وَرُتًا بَوَرْنٍ، مِثْلًا بِمِثْلٍ، فَمَنْ زَادَ أَوْ اسْتَرَادَ فَهُوَ رِبَا	[698] Emas dengan emas (ditukar atau diniagakan) dengan timbangan dan sukatan yang

		sama. Perak dengan perak (ditukar dan diniagakan) dengan timbangan dan sukatan yang sama. Maka barangsiapa yang menambah atau meminta untuk ditambah, maka itulah riba.
6.	[699] أَن رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَعْمَلَ رَجُلًا عَلَى خَيْبَرَ، فَجَاءَهُ بِتَمْرٍ خَبِيبٍ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَكُلْ تَمْرَ خَيْبَرَ هَكَذَا؟ قَالَ: لَا وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّا لَنَأْخُذُ الصَّاعَ مِنْ هَذَا بِالصَّاعَيْنِ، وَالثَّلَاثَةَ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تَفْعَلْ، بَعِ الْجَمْعَ بِالذَّرَاهِمِ، ثُمَّ ابْتَغِ بِالذَّرَاهِمِ جَنِيًّا. وَقَالَ فِي الْمِيزَانِ ذَلِكَ. مَتَّقِ عَلَيْهِ، وَلِمَسْلَمٍ: وَكَذَلِكَ الْمِيزَانُ	[699] Bahwasanya Rasulullah SAW telah menghantar seorang pekerja ke negeri Khaibar. Lalu lelaki tersebut datang kepada baginda SAW dengan membawa kurma yang berkualiti. Maka Rasulullah SAW bersabda, 'Adakah semua kurma Khaibar seperti ini?'. Lelaki tersebut menjawab, 'Tidak, demi Allah, wahai Rasulullah. Sesungguhnya kami menukar satu gantang dari kurma seperti ini dengan dua gantang kurma biasa, dan dua gantang kurma seperti ini dengan tiga gantang kurma biasa.'. Lalu Rasulullah SAW bersabda, 'Jangan lakukan itu! Akan tetapi, jualah kurma itu (yang biasa) dengan harga beberapa dirham, kemudian belilah kurma yang berkualiti dengan dirham-dirham tersebut.' Dan baginda juga bersabda tentang timbangan juga seperti itu.'. <i>Muttafaqun 'alaih</i> . Di sisi Muslim: Dan begitu juga tentang timbangan.
7.	[700] نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الصُّبْرَةِ مِنَ التَّمْرِ؛ لَا يُعْلَمُ مِكْيَلُهَا بِالْكَيْلِ الْمُسَمًّى مِنَ التَّمْرِ	[700] Rasulullah SAW telah melarang jual beli satu longgokan kurma yang tidak diketahui timbangannya dengan satu longgokan kurma yang diketahui timbangannya.
8.	[701] «الطَّعَامُ بِالطَّعَامِ مِثْلًا بِمِثْلٍ»، وَكَانَ طَعَامُنَا يَوْمَئِذٍ الشَّعِيرَ.	[701] “Jual beli makanan dengan makanan itu harus sebanding”. Dan makanan kami pada ketika itu adalah gandum.
9.	[702] وَعَنْ فَضَالَةَ بْنِ عُبَيْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: اشْتَرَيْتُ يَوْمَ خَيْبَرَ قِلَادَةً بِاَثْنَيْ عَشَرَ دِينَارًا، فِيهَا ذَهَبٌ وَخَزَرٌ، فَقَصَلْتُهَا فَوَجَدْتُ فِيهَا أَكْثَرَ مِنْ اَثْنَيْ عَشَرَ دِينَارًا، فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: «لَا تُبَاغِ حَتَّى تُفْصَلَ».	[702] Dari Fadhalah bin Ubaid RA, berkata: Pada waktu perang Khaibar, saya membeli sebuah kalung dengan harga dua belas dinar, di dalamnya terdapat emas dan permata, lalu saya memisahkannya dan saya menemukan di dalamnya lebih dari dua belas dinar, kemudian saya menceritakan perkara itu kepada Rasulullah SAW, maka Baginda bersabda, “Janganlah kamu menjualnya hingga ia dipisahkan”.
10.	[703] أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْحَيَوَانِ بِالْحَيَوَانِ نَسِيئَةً.	[703] Bahawasanya Nabi SAW telah melarang jual beli haiwan dengan haiwan secara kredit (penangguhan bayaran).
11.	[704] إِذَا تَبَايَعْتُمْ بِالْعَيْنَةِ، وَأَخَذْتُمْ أَذْنَابَ الْبَقَرِ، وَرَضَيْتُمْ بِالرَّزْعِ، وَتَرَكْتُمْ الْجِهَادَ، سَلَّطَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ ذُلًّا لَا يَنْزِعُهُ حَتَّى تَرْجِعُوا إِلَى دِينِكُمْ.	[704] Apabila kamu melakukan jual beli secara 'inah (jual beli yang melibatkan unsur riba), dan kamu memegang ekor-ekor lembu (sibuk dengan urusan pertanian), serta kamu redha dengan tanaman (berpuas hati dengan kehidupan dunia), dan kamu meninggalkan jihad, maka Allah akan timpakan kepada kamu kehinaan yang tidak akan diangkat sehingga kamu kembali kepada agama

		kamu.
12.	[705] مَنْ شَفَعَ لِأَخِيهِ شَفَاعَةً، فَأَهْدَى لَهُ هَدِيَّةً، فَقَبِلَهَا، فَقَدْ أَتَى بَابًا عَظِيمًا مِنْ أَبْوَابِ الرَّبِّ.	[705] Barangsiapa memberi syafaat (menjadi perantara untuk suatu kebaikan) kepada saudaranya, lalu ia diberi hadiah dan dia menerimanya, maka ia telah mendatangi salah satu cabang yang besar dari cabang-cabang riba.
13.	[706] لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ.	[706] Rasulullah SAW telah melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah.
14.	[707] أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ أَنْ يُجَهَّزَ جَيْشًا، فَتَوَدَّتِ الْإِبِلُ، فَأَمَرَهُ أَنْ يَأْخُذَ عَلَى قَلَانِصِ الصَّدَقَةِ، قَالَ: فَكُنْتُ أَخْذُ الْبُعِيرَ بِالْبُعَيْرَيْنِ إِلَى إِبِلِ الصَّدَقَةِ.	[707] Sesungguhnya Nabi SAW telah memerintahkan Abdullah bin Amr untuk menyediakan satu pasukan tentera, tetapi unta tidak mencukupi (untuk semua tentera), lalu Baginda SAW memerintahkan beliau untuk mengambil unta-unta muda daripada hasil zakat, maka beliau berkata: Aku mengambil satu unta zakat (yang akan digantikan) dengan dua unta hasil zakat yang akan datang.
15.	[708] نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْمَزَابَنَةِ؛ أَنْ يَبِيعَ ثَمَرٌ خَائِطُهُ إِنْ كَانَ تَخْلًا يَتَمَرُ كَيْلًا، وَإِنْ كَانَ كَرْمًا أَنْ يَبِيعَهُ بِرَبِيبٍ كَيْلًا، وَإِنْ كَانَ زَرْعًا أَنْ يَبِيعَهُ بِكَيْلِ طَعْمٍ، وَنَهَى عَنْ ذَلِكَ كُلِّهِ.	[708] Nabi SAW telah melarang daripada <i>al-muzabanah</i> , iaitu menjual hasil kebunnya, buah kurma basah dengan kurma kering mengikut sukatan, buah anggur dengan kismis mengikut sukatan, tanaman yang dijual dengan makanan mengikut sukatan tertentu, Baginda melarang kesemua perbuatan ini.
16.	[709] عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَسُئِلَ عَنْ اشْتِرَاءِ الرُّطْبِ بِالثَّمَرِ، فَقَالَ: "أَيُنْفَضُ الرُّطْبُ إِذَا يَبَسَ؟" قَالُوا: نَعَمْ، فَنَهَى عَنْ ذَلِكَ.	[709] Rasulullah SAW telah ditanya mengenai jual beli rutab (kurma basah) dengan tamar (kurma kering), maka Nabi SAW bertanya: Adakah rutab akan berkurangan apabila ia kering? Mereka mengatakan: Ya, maka Baginda melarang perkara itu.
17.	[710] أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْكَالِيِّ بِالْكَالِيِّ، يَعْنِي: الدَّيْنَ بِالْدَّيْنِ.	[710] Sesungguhnya Nabi SAW melarang daripada jual beli <i>al-kali</i> dengan <i>al-kali</i> , iaitu: hutang dengan hutang.

Seterusnya, 17 hadis dalam Jadual 1 diklasifikasikan mengikut beberapa tema yang bersesuaian dengan mesej di sebalik *fiqh al-hadith* bagi setiap hadis tersebut. Bagi memudahkan pengklasifikasian 17 hadis tersebut berdasarkan tema dan *fiqh al-hadith*, kajian ini menyimpulkan hal tersebut dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Tema dan *Fiqh al-Hadith* berkaitan Isu Riba

Bil.	No. Hadis (Berdasarkan Jadual 1)	Tema	<i>Fiqh al-Hadith</i>
1.	Hadis [694] dan [695].	Peringatan dan ancaman berkaitan dosa riba.	Hadis [694] menggambarkan semua pihak yang terlibat dengan transaksi riba dilaknat oleh Rasulullah SAW ('Allusy et al., 2018).

			Hadis [695] pula menunjukkan betapa perlunya berwaspada dengan dosa riba yang terlalu banyak jenis-jenisnya, sebahagiannya jelas dan sebahagiannya samar (Nuruddin 'Itr, 1999).
2.	Hadis [696], [697] dan [698].	Konsep asas <i>riba al-fadhl</i> dan <i>riba al-nasi'ah</i> .	Menurut Nuruddin 'Itr (1999) hadis [696], [697] dan [698] adalah tunjang kepada penjelasan berkaitan konsep riba dan hukum transaksi dengan barangan <i>ribawi</i> . Hadis-hadis tersebut secara jelas menunjukkan pertukaran sesama barangan <i>ribawi</i> yang sama jenis tanpa kesamarataan mengakibatkan berlakunya <i>riba al-fadhl</i> manakala pertukaran sesama barangan <i>ribawi</i> dengan penangguhan adalah <i>riba al-nasi'ah</i> (Nuruddin 'Itr, 1999).
3.	Hadis [699], [700], [702], [708] dan [709].	Perincian operasi yang melibatkan <i>riba al-fadhl</i> .	Menurut Al-Son'ani (2006) hadis [699] menunjukkan transaksi antara dua barangan <i>ribawi</i> yang sama jenis wajib dilaksanakan dengan timbangan yang sama walaupun kualiti bagi dua barangan <i>ribawi</i> tersebut adalah berbeza.
			Hadis [700] pula menunjukkan jual beli <i>jizaf</i> (secara anggaran tanpa disukat atau ditimbang) adalah dilarang dalam transaksi melibatkan dua barangan <i>ribawi</i> yang sama jenis kerana tiada kepastian berkaitan kesamarataan ('Allusy et al., 2018).
			Menurut 'Allusy et al. (2018), hadis [702] menunjukkan larangan menjual emas dengan emas yang bercampur dengan barang lain. Demikian pula dengan barangan <i>ribawi</i> yang lain. Emas yang bercampur hendaklah dipisahkan terlebih dahulu, kemudian ia dijual sesuai dengan harganya dan demikian pula dengan barang lain yang merupakan campurannya. Ini adalah pandangan mazhab Syafii dan mazhab Hanbali.
			'Allusy et al. (2018) menjelaskan bahawa hadis [708] dan hadis [709] menjadi asas kepada pengharaman jual beli <i>al-muzabanah</i> (buah yang sama jenis yang masih di pohon dengan yang telah dipetik atau yang masih basah dengan yang sudah kering) kerana melibatkan risiko dan tekaan dalam menetapkan kadar. Kedua-dua hadis ini turut menunjukkan bentuk-bentuk <i>al-muzabanah</i> yang termasuk dalam kategori jual beli barangan <i>ribawi</i> yang merosakkan perbuatan jual beli (Nuruddin 'Itr,

			1999).
4.	Hadis [701].	Perluasan skop barangan <i>ribawi</i> .	Hadis [701] menunjukkan barangan ribawi tidak tertakluk kepada enam perkara yang disebutkan oleh Nabi SAW secara jelas sahaja, bahkan ia merangkumi semua jenis makanan menurut pandangan <i>jadid</i> Imam Syafii ('Allusy et al, 2018).
5.	Hadis [703] dan [707].	Haiwan hidup tidak termasuk dalam kategori barangan <i>ribawi</i> .	Menurut Nuruddin 'Itr (1999) berdasarkan hadis [703] dan hadis [707] para fuqaha bersepakat bahawa jual beli haiwan hidup dengan haiwan hidup adalah harus dilakukan secara <i>tafadhul</i> (tidak sama bilangan, contohnya seekor unta ditukar dengan dua ekor unta) sekiranya penyerahan dilakukan dalam majlis yang sama. Walau bagaimanapun para fuqaha berbeza pandangan sekiranya salah satu pihak menanggukuhkan pemberian haiwan hidup pada masa yang lain. Ringkasnya, para fuqaha mazhab Syafii dan Hanbali berpandangan ia adalah harus dan mereka menjadikan hadis [707] sebagai hujah di sebalik pandangan mereka. Bahkan 'Allusy et al. (2018) menukilkan jumhur fuqaha berpandangan perbuatan tersebut diharuskan.
			Adapun hadis [703] tidak difahami secara zahir oleh fuqaha mazhab Syafii dengan menyatakan bahawa yang dimaksudkan daripada hadis tersebut adalah jual beli haiwan hidup dengan haiwan hidup secara bertanggung dari kedua-dua belah pihak, atau dikenali sebagai jual beli <i>al-kali' bi al-kali'</i> (Nuruddin 'Itr, 1999).
6.	Hadis [704].	Larangan jual beli al- <i>'inah</i> .	Menurut 'Allusy et al. (2018) hadis [704] menunjukkan larangan terhadap jual beli al- <i>'inah</i> (penjual menjual aset kepada pembeli secara bertanggung dan kemudian membelinya semula dengan harga yang lebih rendah secara tunai) secara khusus kerana ia menyerupai seperti riba. Jual beli ini dianggap sebagai bentuk manipulasi syariah untuk menghindari larangan riba, tetapi pada hakikatnya tetap mengandungi unsur haram.
7.	Hadis [705] dan [706].	Larangan menerima hadiah di sebalik sesuatu pertolongan (syafaat) dan larangan rasuah.	Menurut Al-Son'ani (2006) hadis [705] menunjukkan pengharaman menerima sesuatu pemberian (hadiah) sebagai balasan daripada seseorang yang telah menerima pertolongan daripadanya, terutamanya pertolongan yang bersifat wajib dan haram. Adapun penggunaan lafaz riba dalam hadis [705] hanyalah bersifat <i>isti'arah</i> kerana persamaan antara keduanya yang melibatkan pertambahan harta daripada pihak lain tanpa sebarang balasan.
			Hadis [706] pula menunjukkan bahawa rasuah adalah salah satu daripada dosa besar sehinggakan pelakunya

			dijanjikan dengan balasan laknat (Nuruddin 'Itr, 1999). Nuruddin 'Itr (1999) juga menjelaskan bahawa al-'Asqalani memasukkan hadis [705] dan hadis [706] di bawah tajuk riba adalah kerana persamaan keduanya (hadiah di sebalik pertolongan dan rasuah) dengan riba iaitu mengambil harta orang lain tanpa sebarang balasan.
8.	Hadis [710].	Larangan jual beli hutang dengan hutang.	Menurut 'Allusy et al. (2018) hadis [710] menunjukkan jual beli hutang dengan hutang adalah dilarang dan ia adalah pandangan ijmak ulama. Hadis ini juga menunjukkan jual beli hutang dengan hutang adalah sejenis daripada jenis-jenis riba yang keji iaitu dengan menangguhkan pembayaran yang wajib dibayar pada sesuatu masa kepada masa yang lain dengan meletakkan penambahan terhadap pembayaran tersebut.

Kajian ini seterusnya melihat bahawa daripada lapan tema yang telah diklasifikasikan dalam Jadual 2, ia boleh dibahagikan kepada tiga kategori umum seperti dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Kategori Umum *Fiqh al-Hadith*

Bil.	Kategori Umum	Tema (Berdasarkan Jadual 2)
1.	Ancaman terhadap dosa riba.	- Peringatan dan ancaman berkaitan dosa riba.
2.	Konsep dan operasi riba.	- Konsep asas <i>riba al-fadhl</i> dan <i>riba al-nasi'ah</i> . - Perincian operasi yang melibatkan <i>riba al-fadhl</i> . - Perluasan skop barangan <i>ribawi</i> . - Haiwan hidup tidak termasuk dalam kategori barangan <i>ribawi</i> . - Larangan jual beli hutang dengan hutang.
3.	Akad yang berkaitan dengan riba secara tidak langsung.	- Larangan jual beli al- <i>'inah</i> . - Larangan menerima hadiah di sebalik sesuatu pertolongan (syafaat) dan larangan rasuah.

KESIMPULAN

Fiqh al-hadith di sisi al-'Asqalani dalam kitab *Bulugh al-Maram* berkaitan isu riba boleh dipecahkan kepada lapan tema yang secara umumnya boleh dibahagikan pula kepada tiga kategori iaitu (1) ancaman terhadap dosa riba, (2) konsep dan operasi riba, dan (3) akad yang berkaitan dengan riba secara tidak langsung. Kesemuanya ini akhirnya mampu menggambarkan betapa bernilainya kitab *Bulugh al-Maram* kerana penulisnya al-'Asqalani telah mengumpulkan hadis-hadis hukum berkaitan sesuatu isu dengan cukup banyak sekali gus mampu menjelmakan gambaran yang jelas dan menyeluruh berkaitan sesuatu isu. Dalam konteks kajian ini, perbincangan berkaitan isu riba telah dapat dijelmakan dengan cukup baik.

RUJUKAN

- Al-'Asqalani, I. H. (2002). *Bulugh al-maram min adillah al-ahkam*. Dar al-Siddiq.
- 'Allusy, A. S., Al-Nuri, H. S., & Al-Maliki, A. A. (2018). *Ibanah al-ahkam syarh bulugh al-maram*. Al-Dar al-'Alamiyyah.
- Al-Son'ani, M. I. (2006). *Subul al-salam syarh bulugh al-maram* (Jilid 3). Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Suyuti, A. R. (1983). *Tabaqat al-huffaz*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Syawkani, M. A. (t.th.). *Al-badr al-tali' bi mahasin man ba'da al-qarn al-sabi'*. Dar al-Kitab al-Islami.
- Al-Zahabi, M. A. (1998). *Tazkirah al-huffaz*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zirkli, K. D. (2002). *Al-A'lam*. Dar al-'Ilm lil Malayin.
- Edy Saputra. (2021). Ontologi riba dalam hadis: Kajian tematik hadis ahkam. *At-Tasyri': Jurnal Ilmiah Prodi Muamalah*, 13(1), 39-48. <https://doi.org/10.47498/tasyri.v13i1.485>
- Haji Khalifah, M. A. (2010). *Sullam al-wusul ila tabaqat al-fuhul* (M. A. Q. al-Arna'out, Ed.). Maktabah Ircica.
- Ibn al-Qadi, A. M. (1971). *Zayl wafayat al-a'yan* (M. al-Ahmadi, Ed.). Dar al-Turath.
- Ibn Qudamah, A. A. (1997). *Al-Mughni* (A. A. M. al-Turki, Ed.). Dar Alam al-Kutub li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Ibn Kathir, I. (t. th.). *Tafsir al-Quran al-'azim* (Jilid 1). Maktabah Zahran.
- Mohammad Nawir. (2021). Kontekstualisasi pemahaman hadis nabi tentang riba. *Tadayun: Jurnal Hukum Ekonomi Syariah*, 2(2), 101-116. <https://doi.org/10.24239/tadayun.v2i2.23>
- Rosele, M.I., Abdullah, L., Mohd Razif, N. F., & Meerangani, K. A. (2018). Hadith riba dalam kitab 'Umdah Al-Ahkam: Analisis perspektif fiqh. *Jurnal Ulwan*, 3(1), 11-19. <https://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/273>
- Nuruddin 'Itr. (1999). *I'lam al-anam syarh bulugh al-maram min ahadith al-ahkam*. Maktabah Dar al-Farfour & Maktabah Dar al-Yamamah.